

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK	Hong Leong Assurance Berhad
Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil <i>Hong Leong SMART Value Plus Insurance</i> . Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.	Hong Leong SMART Value Plus Insurance

Nota Penting: Produk ini ditanggung jamin oleh Hong Leong Assurance Berhad, penanggung insurans dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

1. Apakah produk ini?

- Hong Leong SMART Value Plus Insurance ialah pelan asas berkaitan pelaburan yang dipakej dengan salah satu:-
 - Hong Leong Invest ProRider untuk meningkatkan pertumbuhan Nilai Akaun; atau
 - Hong Leong Cash ProRider memberi tunai untuk kegunaan segera anda.
- Anda telah memilih Hong Leong SMART Value Plus Insurance yang dipakej dengan Hong Leong Invest ProRider untuk sebut harga ini.
- Tempoh bayaran premium bagi pelan ini ialah lima (5) tahun dan tempoh polisi ialah dua puluh lima (25) tahun.
- Apabila berlaku kejadian pertama
 - Kematian; atau
 - Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal sebelum mencapai umur enam puluh lima (65) tahun (TPD);
bagi Hayat Diinsuranskan, Faedah yang dibayar adalah yang mana lebih tinggi, antara Jumlah Asas Diinsuranskan atau Nilai Akaun pada Tarikh Penilaian Seterusnya sejeurus selepas tarikh notifikasi kematian/ tarikh tuntutan TPD diluluskan.
- Untuk memaksimumkan nilai pelaburan anda, jumlah premium akaun asas anda akan diagihkan kepada 20% bagi premium pelan asas dan 80% bagi Premium Tambahan erkala.
- Nilai polisi ini berubah secara langsung dengan prestasi dana unit.

Harap Maklum:

Caj-caj insurans anda (ditolak daripada nilai akaun) akan meningkat dengan peningkatan usia anda. Pada tahun terkemudian, nilai akaun terkumpul mungkin tidak cukup untuk membayar caj-caj insurans dan yuran polisi anda kerana pulangan pelaburan yang kurang memuaskan, atau pengeluaran, yang boleh menyebabkan polisi anda diluputkan. Anda mungkin perlu menambah premium anda atau mengurangkan pengeluaran anda (jika berkenaan), jika anda ingin mengekalkan polisi insurans anda.

2. Apakah faedah yang disediakan?

A) Pelan Asas

Jumlah Asas Diinsuranskan bagi pelan ini ialah dan tempoh perlindungan ialah dua puluh lima (25) tahun melainkan perlindungan ditamatkan lebih awal.

Faedah Kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal (TPD)

Apabila berlaku kejadian pertama kematian atau TPD Hayat Diinsuranskan, Faedah yang dibayar adalah yang mana lebih tinggi, antara

Jumlah Asas Diinsuranskan atau Nilai Akaun pada Tarikh Penilaian Seterusnya sejeurus selepas tarikh notifikasi kematian/ tarikh tuntutan TPD diluluskan. Faedah TPD akan dibayar mengikut peruntukan TPD syarikat.

Jumlah Asas Diinsuranskan akan dikurangkan dengan amaun pengeluaran separa.

Peruntukan untuk Juvenil

Sekiranya berlaku kejadian kematian atau TPD Hayat Diinsuranskan sebelum umur lima (5), Jumlah Asas Diinsuranskan akan dikurangkan seperti berikut:

Umur pada kematian/ TPD (Harijadi lepas)	Peratus Jumlah Asas Diinsuranskan akan dibayar
30 hari -1 tahun	20%
2 tahun	40%
3 tahun	60%
4 tahun	80%

Faedah Kematangan

Jika Hayat Diinsuranskan masih hidup pada akhir tempoh polisi, Faedah Kematangan bersamaan dengan Nilai Akaun akan dibayar.

B) Rider yang Dilampirkan

Rider	Jumlah Diinsuranskan /Faedah	Tempoh Perlindungan	Hayat Diinsuranskan	Huraian Faedah																		
Hong Leong Invest ProRider		25	Hayat Diinsuranskan	<p>Ini ialah rider pembayaran premium dengan tempoh bayaran premium lima (5) tahun. Premium adalah terjamin dan atas dasar tetap.</p> <p><u>Tunai Terjamin</u> Rider ini akan mengkreditkan Tunai Terjamin ke dalam Polisi ini dengan kadar peruntukan 100% untuk membeli Unit Dana yang dipilih pada setiap dua (2) tahun, bermula dari hujung tahun rider pertama sehingga rider ini tamat tempoh. Tunai Terjamin akan dikredit mengikut jadual berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Tahun Rider</th> <th>Tunai Terjamin</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1 dan 3</td> <td>50% daripada Tunai Terjamin</td> </tr> <tr> <td>5, 7, 9, 11, 13, 15, 17, 19, 21, 23 and 25</td> <td>100% daripada Tunai Terjamin</td> </tr> </tbody> </table> <p>Tunai Terjamin adalah seperti yang dinyatakan pada lajur Jumlah Diinsuranskan/Faedah rider.</p> <p><u>Faedah Kematian/TPD</u> Apabila berlaku kejadian pertama kematian atau TPD bagi Hayat Diinsuranskan, Faedah akan dibayar mengikut jadual berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Tahun Rider</th> <th>Faedah Kematian/TPD</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>4 kali Tunai Terjamin</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>8 kali Tunai Terjamin</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>10 kali Tunai Terjamin</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>14 kali Tunai Terjamin</td> </tr> <tr> <td>5 dan ke atas</td> <td>16 kali Tunai Terjamin</td> </tr> </tbody> </table> <p>Tuntutan bagi TPD boleh dikreditkan ke dalam Polisi ini dengan kadar peruntukan 100% untuk membeli Unit Dana yang dipilih.</p> <p><u>Faedah Kematangan Terjamin</u> Apabila Hayat Diinsuranskan masih hidup sehingga akhir tempoh polisi, amaun yang dibayar adalah bersamaan dengan sebelas (11) kali Tunai Terjamin.</p>	Tahun Rider	Tunai Terjamin	1 dan 3	50% daripada Tunai Terjamin	5, 7, 9, 11, 13, 15, 17, 19, 21, 23 and 25	100% daripada Tunai Terjamin	Tahun Rider	Faedah Kematian/TPD	1	4 kali Tunai Terjamin	2	8 kali Tunai Terjamin	3	10 kali Tunai Terjamin	4	14 kali Tunai Terjamin	5 dan ke atas	16 kali Tunai Terjamin
Tahun Rider	Tunai Terjamin																					
1 dan 3	50% daripada Tunai Terjamin																					
5, 7, 9, 11, 13, 15, 17, 19, 21, 23 and 25	100% daripada Tunai Terjamin																					
Tahun Rider	Faedah Kematian/TPD																					
1	4 kali Tunai Terjamin																					
2	8 kali Tunai Terjamin																					
3	10 kali Tunai Terjamin																					
4	14 kali Tunai Terjamin																					
5 dan ke atas	16 kali Tunai Terjamin																					

Peringatan: Sila baca Ilustrasi Produk dan Helaian Fakta Dana, yang mengandungi faedah-faedah produk dan objektif-objektif dana berkaitan pelaburan. Anda mestilah memilih pelan atau gabungan dana yang sesuai dengan matlamat kewangan dan profil risiko anda.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar berbeza mengikut kriteria penanggungjaminan dan penilaian risiko kami.

Anggaran premium yang perlu anda bayar adalah seperti berikut:

Pelan/Rider	Jenis	Hayat Diinsuranskan	Premium Perlu Dibayar			
			Tahunan (RM)	Setengah Tahunan (RM)	Suku Tahunan (RM)	Bulanan (RM)
Hong Leong SMART Value Plus Insurance	Pelan Asas	Hayat Diinsuranskan				
Hong Leong Invest ProRider	Rider	Hayat Diinsuranskan				
Jumlah						

Tempoh Premium:

Pelan/Rider	Premium dibayar berdasarkan umur Hayat Diinsuranskan pada awal tahun polisi
Hong Leong SMART Value Plus Insurance	
Hong Leong Invest ProRider	

Bagi Premium Tambahan Sekali, sila rujuk Ilustrasi Produk.

Syarikat insurans memperuntukkan sebahagian premium asas untuk membeli unit dalam dana berkaitan pelaburan yang anda pilih. Sebarang amaun yang tidak diperuntukkan daripada premium anda akan digunakan untuk membayar kos pengagihan langsung dan perbelanjaan syarikat insurans. Anda dinasihatkan supaya merujuk kepada kadar peruntukan yang diberikan dalam Ilustrasi Produk.

Ia adalah penting bahawa anda menerima dan menyimpan resit anda sebagai bukti pembayaran premium.

4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

- Caj insurans dan yuran polisi sebanyak RM8 setiap bulan akan ditolak secara bulanan dari nilai unit anda. Secara umumnya, caj-caj insurans akan meningkat apabila anda semakin tua. Penyerahan polisi dan pengeluaran separa akan dikenakan caj. Butir-butir caj insurans dan caj-caj lain bagi polisi berkaitan pelaburan anda, telah diberikan dalam Ilustrasi Produk. Kadar caj insurans adalah terjamin; caj-caj lain adalah tidak terjamin dan mungkin diubah dari semasa ke semasa dengan memberi notis 3 bulan kepada Pemunya Polisi.
- Premium dan sebarang pelaburan semula daripada tuntutan atau faedah yang dibayar, jika berkenaan, untuk polisi yang diperuntukkan kepada organisasi perniagaan akan tertakluk kepada 6% cukai perkhidmatan.

5. Apakah antara terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?

- Kepentingan pendedahan – anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda yang sebenar.
- Tempoh bertenang – Sekiranya polisi ini telah dikeluarkan dan atas sebarang alasan dalam apa cara sekalipun anda memutuskan untuk tidak mengambil polisi ini, anda boleh memulangkan polisi ini kepada kami bagi pembatalan dengan syarat anda menyerah permohonan pembatalan sedemikian kepada kami dalam masa lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran polisi. Apabila berlaku pembatalan polisi, Syarikat akan mengembalikan jumlah di bawah kepada Pemunya Polisi:
 - (a) Nilai Akaun pada Tarikh Penilaian Seterusnya,
 - (b) Premium yang tidak diperuntukkan, dan
 - (c) Apa-apa caj insurans dan yuran polisi bulanan, dan sebarang cukai yang berkenaan yang telah ditolak.Untuk rider, Syarikat akan mengembalikan premium dan sebarang cukai yang berkenaan yang telah dibayar bagi rider tersebut kepada Pemunya Polisi. Jumlah yang dikembalikan di atas akan dibayar setelah menolak perbelanjaan perubatan yang mungkin telah dikenakan.
- Bayaran premium yang tidak dilakukan dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh premium perlu dibayar akan menyebabkan penyerahan polisi secara automatik dan nilai penyerahan akan dibayar
- Nilai Akaun bagi polisi berkaitan pelaburan bergantung pada prestasi dana berkaitan pelaburan yang dipilih. Tahap perlindungan insurans yang dipilih semakin tinggi, semakin banyak unit akan diserap untuk membayar caj insurans dan semakin kurang unit yang tinggal untuk mengumpul nilai akaun bagi polisi anda.
- Polisi luput – Pelan Asas akan luput apabila nilai bagi unit pelaburan adalah tidak mencukupi untuk membayar caj insurans dan caj lain. Walau bagaimanapun, anda diberi 30 hari tempoh tangguh untuk

bayaran premium. Pelan Asas dan Rider boleh luput sekiranya premium tidak dibayar dalam tempoh tangguh tertakluk kepada peruntukan Pelan Asas dan Rider masing-masing.

- Anda harus memastikan bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar premium.
- Terdapat peruntukan untuk penamaan dan penyerahan hak. Dimaklumkan bahawa penama perlu dilantik dan pastikan penama mengetahui tentang polisi yang anda beli.
- Semua permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan penanggungjaminan.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan terma dan syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Pelan Asas

Faedah Kematian

Sekiranya Hayat Diinsuranskan secara waras atau tidak waras, membunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan dari Tarikh Penerbitan, Tarikh Pindaan Efektif atau Tarikh Pengembalian Semula, yang mana terkemudian, polisi akan jadi tidak sah. Faedah kematian tidak akan dibayar dan Syarikat hanya akan membayar balik premium yang tidak diperuntukkan, nilai unit yang telah diperuntukkan (jika ada) pada harga seunit pada tarikh penilaian seterusnya, sebarang caj insurans, yuran polisi, dan apa-apa cukai yang dikenakan tolak apa-apa yuran perubatan yang ditanggung dan faedah yang dibayar.

Faedah Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal (TPD)

Polisi ini tidak memberi perlindungan TPD berpunca:

- daripada sebarang kecederaan anggota badan yang disengajakan ketika keadaan waras atau tidak waras;
- daripada menaiki kapal terbang (kecuali sebagai anak kapal, atau sebagai penumpang kapal terbang, dalam penerbangan berjadual tetap daripada sistem penerbangan komersil); atau
- ketika Hayat Diinsuranskan berkhidmat sebagai anggota angkatan bersenjata, polis dan separa tentera yang disebabkan oleh peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, rusuhan atau kekecohan sivil.

Rider yang Dilampirkan

Rider	Pengecualian
Hong Leong Invest ProRider	Rider ini tidak memberi perlindungan yang berikut: i. Kematian Hayat Diinsuranskan akibat membunuh diri dalam tempoh (12) bulan pertama dari Tarikh Penerbitan, Tarikh Pindaan Efektif atau Tarikh Pengembalian Semula, yang mana terkemudian. ii. TPD yang berpunca secara langsung atau tidak langsung: (a) daripada sebarang kecederaan anggota badan yang disengajakan ketika keadaan waras atau tidak waras; (b) daripada menaiki kapal terbang (kecuali sebagai anak kapal, atau sebagai penumpang kapal terbang, dalam penerbangan berjadual tetap daripada sistem penerbangan komersil); atau (c) ketika Hayat Diinsuranskan berkhidmat sebagai anggota angkatan bersenjata, polis dan separa tentera yang disebabkan oleh peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, rusuhan atau kekecohan sivil.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Pelan Asas

Membeli polisi berkaitan unit premium tunggal adalah komitmen kewangan jangka panjang. Anda dinasihatkan supaya tidak memegang polisi ini untuk jangka pendek memandangkan kos permulaan tinggi. Jika polisi ini ditamatkan awal, anda mungkin akan mendapat amaun yang kurang daripada amaun premium dibayar. Sekiranya anda mendapati bahawa dana yang dipilih itu tidak lagi sesuai, anda mempunyai kelonggaran untuk membuat pertukaran dana tanpa apa-apa yuran.

Rider yang Dilampirkan

Rider	Hak Pembatalan
Hong Leong Invest ProRider	Apabila dibatalkan, nilai tunai yang diperolehi (jika ada) akan dibayar dan perlindungan rider akan ditamatkan dengan serta-merta.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya bertukar alamat dan nombor telefon?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan butiran perhubungan anda (termasuk butiran bagi penama dan/atau pemegang amanah) bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda dan/atau penama/pemegang amanah anda tepat pada masanya.

9. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut tentang insurans berkaitan pelaburan, sila rujuk buku panduan insuranceinfo tentang 'Insurans Berkaitan Pelaburan', yang disediakan di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan senaskhah daripada ejen/ kakitangan bank atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Hong Leong Assurance Berhad
Level 3, Tower B, PJ City Development
No 15A, Jalan 219, Seksyen 51A
46100 Petaling Jaya, Selangor
P.O.Box 120, 46710 Petaling Jaya

Pengantara:
Hong Leong Bank Berhad
Level 1, Menara Hong Leong
No. 6, Jalan Damanlela
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur

Tel: 03-7650 1288
Faks:03-7650 1299
Laman Web: www.hla.com.my

10. Jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan

Sila rujuk ejen/ kakitangan bank kami untuk mengetahui jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan.

NOTA PENTING:

INI MERUPAKAN SUATU PRODUK INSURANS YANG TERIKAT DENGAN PRESTASI ASET DASAR, DAN BUKAN SUATU PRODUK PELABURAN TULEN SEPerti AMANAH SAHAM. ANDA MESTILAH MENILAI PILIHAN ANDA DENGAN TELITI DAN ANDA BERPUAS HATI BAHAWA PELAN BERKAITAN PELABURAN YANG DIPILIH SESUAI DENGAN TAHAP RISIKO ANDA, DAN ANDA BERUPAYA MEMBAYAR PREMIUM SEPANJANG TEMPOH PEMBAYARAN PREMIUM. BAGI MENINGKATKAN NILAI PELABURAN PADA BILA-BILA MASA, ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBAYAR TAMBAHAN PREMIUM SEBAGAI 'TAMBAHAN'. PULANGAN BAGI DANA BERKAITAN PELABURAN ADALAH TIDAK TERJAMIN.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah setakat

Panduan Perkhidmatan - Perkhidmatan Kami Kepada Anda

Bank menawarkan pelbagai produk insurans Hong Leong Assurance melalui cawangannya di seluruh negara. Jika anda ingin membeli produk insurans hayat daripada Jurubank Peribadi/Wakil Bank kami, anda boleh menikmati perkhidmatan nilai tambahan berikut:

Sebelum Anda Membeli Polisi	Apabila Anda Membuat Keputusan untuk Membeli Polisi	Semasa Tempoh Polisi
<p>Membantu Anda Memilih Pelan Insurans Yang Sesuai</p> <ul style="list-style-type: none">* Meneliti kandungan Borang Pencarian Fakta Pelanggan dengan anda untuk lebih memahami keperluan insurans dan matlamat kewangan anda.* Mencadangkan pelan insurans yang sesuai selepas menilai keperluan anda. <p>Menerangkan Ciri-Ciri Produk</p> <ul style="list-style-type: none">* Menerangkan ciri-ciri produk, manfaat yang dibayar, pengecualian, premium dan caj-caj.* Menyediakan Risalah Pendedahan Produk, untuk membantu anda membuat keputusan yang tepat dan untuk memudahkan perbandingan produk.	<p>Membantu Anda Dengan Permohonan Polisi</p> <ul style="list-style-type: none">* Menerangkan kepentingan menjawab soalan-soalan di dalam borang permohonan dengan lengkap dan tepat.* Menghantar permohonan untuk proses pengunderaitan selepas anda menandatangani borang permohonan.* Mengatur untuk pemeriksaan kesihatan di salah satu daripada klinik panel kami, jika diperlukan.* Memberi maklumat dan memaklumkan kepentingan membuat penamaan untuk memastikan manfaat yang perlu dibayar akan diterima oleh benefisiari anda sekiranya berlaku kematian. <p>Menerangkan Terma Dan Syarat Polisi</p> <ul style="list-style-type: none">* Dokumen polisi anda akan dihantar kepada anda (melalui serahan tangan, pos atau secara elektronik) dalam masa 7 hari dari tarikh polisi dikeluarkan.* Meneliti kandungan terma-terma dan syarat-syarat polisi untuk memastikan pelan yang dibeli sesuai dengan keperluan anda.	<p>Perkhidmatan Polisi Yang Berterusan</p> <ul style="list-style-type: none">* Membantu dalam mengemukakan permintaan perkhidmatan anda kepada Hong Leong Assurance Berhad, cth. pengubahsuaian polisi, pertukaran alamat dan kekerapan pembayaran premium. <p>Membantu Anda Membuat Tuntutan</p> <ul style="list-style-type: none">* Membantu untuk mengemukakan borang tuntutan dan dokumen kepada Hong Leong Assurance Berhad.

Portal Pelanggan

Sila layari sesawang korporat Hong Leong Assurance Berhad di <https://www.hla.com.my>. Apabila anda berada di sesawang tersebut, sila klik pada banner HLA360° untuk akses dalam talian kepada maklumat polisi anda.

Jika anda memerlukan maklumat lanjut atau bantuan daripada Hong Leong Assurance Berhad, sila hubungi Hong Leong Assurance Berhad di 03-7650 1288 atau e-mel Hong Leong Assurance Berhad di customerservice@hla.hongleong.com.my.